

SOLUSI HATI SIRI 2

37 coretan dengan lebih
300 cuitan yang **mendidik hati**

Ayuh kita pikat Allah dengan perkara-perkara yang disukai-Nya. Apabila Allah suka, kita akan bahagia.


Ini Pun *Allah* Suka

MUHAMMAD LUQMAN MAKHTAR

Ini Pun Allah Suka

SIRI 2

MUHAMMAD LUQMAN MAKHTAR





Bab 3

APALAH ADA PADA SEMINIT?

Apalah yang ada pada seminit? Ya, tidak ada apa-apa pun pada seminit. Dalam satu minit, kita hanya sempat....

❶ BACA 4 KALI SURAH AL-FATIHAH.

Bacalah dengan tempo yang sederhana. **Jika setiap huruf berupa 10 pahala, maka kita akan dapat 1400 pahala.** Darab pula dengan 4 (4 kali bacaan), maka jumlahnya 5600 pahala.

10 (pahala) X 140 (huruf) = **1400 PAHALA**

1400 (pahala) X 4 (4 kali bacaan) = **5600 PAHALA**

❷ ATAU BACA 20 KALI SURAH AL-IKHLAS.

Jika baca surah al-Ikhlas sekali umpama baca ⅓ daripada al-Quran, maka hampir tujuh kali kita boleh "khatam" al-Quran dalam seminit.

❸ ATAU BACA 40 KALI (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ).

Zikir ini antara khazanah daripada simpanan syurga. (Riwayat al-Bukhari)

npul satu kaum
(masjid), demi
diturunkan ke
para malaikat
hadapan para

YURGA

ada pembaca
arjat syurga).
a dengan tartil
kadar akhir

Bab 12

MUNGKIN KITA YANG BAKHIL

Buruk benar jika digelar bakhil. Tetapi, boleh jadi orang melabel kita bakhil sedangkan hakikatnya tidak. Allah ﷻ Maha Mengetahui. Namun, malang jika Allah ﷻ sendiri yang menggelar kita bakhil tetapi kita tetap menafikannya.

Betulkah kita bukan orang bakhil? Sama-sama kita jujur mengukur diri sebelum Allah ﷻ mengukur kita setepat-tepatnya. Orang bakhil ialah orang yang ...

1 BUAT TIDAK ENDAH BILA NAMA NABI ﷺ DISEBUT

"Orang bakhil ialah sesiapa yang mendengar aku disebut di sisinya tetapi dia tidak berselawat untukku!" (Riwayat al-Tirmidzi dan Ahmad)

2 BERAT MULUT UNTUK BERI SALAM

"Selemah-lemah manusia ialah sesiapa yang lemah untuk berdoa. Serta sebakhil-bakhil manusia ialah yang bakhil untuk memberi salam!" (Riwayat al-Tabarani)

3 LIAT BERZAKAT DAN BERSEDEKAH

"Tiada pun seorang yang memiliki harta tetapi tidak menunaikan hak hartanya melainkan dikalungkan ke tengkuknya seekor kala jengking. Lalu, berusaha melarikan diri daripada kala jengking itu tetapi ia tetap bersamanya."

Bab 18

BILA TERJAGA NANTI

Malam. Betapa nyenyaknya tidur pada saat yang sungguh kelam dan bungkam. Apatah lagi kesejukan penyaman udara dan kehangatan selimut saling bertarik tali. Enaknya.

Tiba-tiba, kita terbangun. Tersentak. Mata terbuka. Di luar hanya kedengaran cengkerik bertasbih. "Belum subuh lagi ni!" Untuk kepastian, telefon bimbit dicapai. "Oh, baru pukul 3 pagi." Kemudian?

1

TIDUR SEMULA

- Menarik selimut dan menyambung episod kedua mimpi yang tergendala.
- "Kenapa boleh terjaga ni?" Barangkali timbul rasa tidak puas hati dek tidur yang terganggu.

2

BANGKIT UNTUK QIAMULLAIL

- "Alhamdulillah!" Penuh semangat berpisah sebentar dengan tilam dan bantal.
- Memang sejuk tatkala air wuduk menyapa kulit. Namun apalah sangat demi merasai kehangatan munajat kepada Allah ﷻ saat sujud dan tahajud.



3

AMBIL PELUANG BERDOA SAJA

- "Waktu begini doa makbul. Ya Allah! Ampunilah daku dan ibu bapaku. Masukkan daku ke syurga-Mu...."
- Selesai. "Ibadah senyap" pun disambung semula.

Bab 1

MALU PADA STEVE JOBS



Usai membaca buku genre biografi, *Inside Steve's Brain*. Bab demi bab membuahkan rasa kagum terhadap Steve Jobs. Namun, tidak disangka kekaguman itu berkesudahan dengan dibaluti rasa malu pada diri sendiri. Sila baca sedutan halaman-halaman terakhir buku tersebut:

Kahney, si pengarang buku tersebut mengulas, "Boleh dikatakan kesemua buku dan artikel majalah yang diterbitkan beberapa puluh tahun kebelakangan ini saya baca. Satu perkara yang paling ketara tentang semua bual bicara itu adalah berapa banyak Jobs menyebut tentang kematian sebagai kuasa pendorong dalam hidupnya.

Berkali-kali Jobs menegaskan bahawa beliau terdorong untuk menghasilkan impak sebelum hayatnya berakhir. Bahkan pada usia 20-an beliau sudah obses tentang penyudah hayat itu. Pernah sekali, beliau memberitahu Sculley bahawa beliau begitu yakin yang hidupnya sangat singkat, justeru terdesak untuk menghadirkan impak sebelum dia meninggal dunia. Dalam buku autobiografinya, Sculley beranggapan bahawa itulah penyebab kenapa Jobs menjadi seorang yang sangat bersemangat dan bercita-cita."

Bab 14

INI YANG NABI ﷺ SUKA

Antara bukti cinta adalah suka terhadap apa yang disukai oleh orang yang dicintai. **Jadi, mencintai Rasulullah ﷺ adalah dengan menyukai apa yang disukai Baginda.** Ayuh, kita lihat beberapa perkara yang disukai Baginda!

1 SOLAT SUNAT SEBELUM SUBUH

"Dua rakaat sebelum solat subuh lebih aku sukai daripada dunia dan seisinya." (Riwayat Ibnu Hibban)

2 SOLAT BERJEMAAH

"Dapat solat subuh berjemaah lebih aku suka daripada aku dapat solat sunat sepanjang malam. Dapat solat isyak berjemaah lebih aku sukai daripada solat separuh malam." (Riwayat al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman*)

3 BANTU SAUDARA MUSLIM

"Dapat memberi makan sesuap kepada saudara Muslim lebih aku suka daripada bersedekah satu dirham. Dapat bersedekah satu dirham kepada saudara Muslim lebih aku sukai daripada bersedekah 10 dirham." (Riwayat al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman)

Isi Kandungan

Kata Penerbit vii

Kata Pengarang ix

Bahagian 1: Hidup 1

Bab 1: Ini Allah ﷻ Suka 3
Bab 2: Agar Allah ﷻ Mencintai Kita 7
Bab 3: Apalah Ada pada Seminit? 13
Bab 4: Tahukah Kita? 15
Bab 5: Biasa Sangatkah Istighfar? 19
Bab 6: Mereka dan Istighfar 23
Bab 7: Jom Amal – Agar Istighfar Sentiasa Segar 27
Bab 8: Eksplorasi – Istighfar dalam al-Quran 35
Bab 9: Testimoni Masa 41
Bab 10: Sibuknya, Baca al-Quran Pun Tidak Sempat! 47
Bab 11: Rancang Pelaburan Akhirat dengan Skim "Al-Quran Syafaatku" 51
Bab 12: Mungkin Kita yang Bakhil 55
Bab 13: Bukankah Kita Mahu? 57
Bab 14: Ini yang Nabi ﷺ Suka 61
Bab 15: Kalaulah Kamu Tahu 65

Bab 16: Seremeh-remeh Salam 67
Bab 17: Bersin dan Menguap Pun Nak Kisah? 71
Bab 18: Bila Terjaga Nanti 75
Bab 19: Sering Kita Lupa Ketika Makan dan Minum 77
Bab 20: Kanan, Kanan, Kanan 81
Bab 21: Mudahnya Bangun Solat Subuh! 85
Bab 22: Tujuh yang Mana? 89
Bab 23: Kalaulah Dapat Menangis Macam Mereka 93
Bab 24: Ini Pun Allah ﷻ Suka! 95

Bahagian 2: Mati 97

Bab 1: Malu pada Steve Jobs 99
Bab 2: Jangan Tunggu *Haqqulyaqin* 105
Bab 3: Romantik Terakhir 111
Bab 4: Lepas Mati Pun Berangan-angan 117
Bab 5: Perbandingan Tahap Kebolehterimaan Maaf antara Allah ﷻ dengan Manusia 123
Bab 6: Syafaat Mutlak Milik Allah ﷻ 125
Bab 7: Kenali 10 Bakal Pemberi Syafaat 129
Bab 8: Syafaat Terhebat 135
Bab 9: Entah-entah Tidak Dapat Syafaat 141
Bab 10: Jangan-jangan Allah ﷻ Tidak Sudi 145
Bab 11: Mereka yang Allah ﷻ Tidak Sudi Lihat 147
Bab 12: Jangan Sampai Tidak Terkata di Hadapan Allah ﷻ 151
Bab 13: Anekdot – Masuk Syurga dengan Rahmat-Nya 157

Penutup 159